



(68)dim. PPS 10/4/2 BUB Jld 5

20 Ogos 2010

Semua Pengarah Bahagian,
Semua Pengarah JPS Negeri,
Semua Jurutera Projek

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**Perkara: Pemakluman Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2010 -
Tindakan Tatatertib ke Atas Syarikat dan Firma Perunding yang
Berdaftar dengan Kementerian Kewangan**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2010 bertarikh 23 Julai 2010 seperti yang dinyatakan dalam perkara di atas. SPP ini menyenaraikan jenis-jenis kesalahan dan tindakan/hukuman tatatertib yang boleh diambil ke atas **syarikat bekalan dan perkhidmatan** serta **firma perunding** yang melakukan kesalahan tersebut.

3. Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dikehendaki untuk memberi perhatian kepada tindakan yang perlu diambil oleh Agensi Kerajaan seperti berikut:-

i) Semasa peringkat perolehan

Agensi hendaklah memastikan pendaftaran syarikat/firma perunding dengan Kementerian Kewangan adalah masih sah dan syarikat/firma perunding bebas daripada apa-apa tindakan tatatertib sebelum membenarkan syarikat/firma perunding mengambil bahagian dalam perolehan Agensi. Sehubungan dengan itu, Agensi hendaklah menyemak Sijil Akuan Pendaftaran syarikat/firma perunding dengan merujuk kepada Sistem ePerolehan di alamat

<http://home.eperolehan.gov.my/home/index.php/bm>

Bagi membolehkan semakan dibuat oleh semua pejabat yang membuat perolehan perkhidmatan perunding di JPS, permohonan untuk mendapat kata laluan Log Masuk Maklumat Syarikat perlulah dibuat secara online. Cetakan daripada laman web tersebut yang disertakan di **Lampiran A** surat edaran ini bolehlah dijadikan panduan bagaimana untuk mendapatkan kata laluan ini. Surat Pemberikuasa (Authorisation Letter) perlu dikeluarkan oleh Pengarah Bahagian dan Negeri kepada pegawai yang akan diberi tanggungjawab membuat semakan dalam sistem eperolehan ini.

- ii) Semasa peringkat pelaksanaan bekalan dan perkhidmatan berjalan

Agensi hendaklah memastikan pentadbiran kontrak dijalankan dengan cekap dan teliti. Agensi bertanggungjawab untuk segera melaporkan kepada Kementerian Kewangan mengenai syarikat/firma perunding yang melanggar syarat-syarat kontrak bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil oleh pihak berkuasa pendaftaran di Kementerian Kewangan. Walaubagaimanapun, Agensi hendaklah terlebih dahulu mengambil tindakan ke atas syarikat/firma perunding berkenaan mengikut terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam perjanjian kontrak atau Memorandum of Agreement (MOA).

4. Jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh **syarikat bekalan dan perkhidmatan** beserta tindakan/hukuman tatatertib yang boleh dikenakan adalah seperti **Lampiran 1 kepada SPP Bil. 6 Tahun 2010** manakala jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh **firma perunding** beserta tindakan/hukuman tatatertib yang boleh dikenakan adalah seperti di **Lampiran 2 kepada SPP Bil. 6 Tahun 2010**.

5. Agensi hendaklah melaporkan kesalahan syarikat/firma perunding kepada Kementerian Kewangan dengan menggunakan **borang aduan** seperti di **Lampiran 3 kepada SPP Bil 6 Tahun 2010**. Aduan ini hendaklah disertakan dengan bukti-bukti dan dokumen yang menyokong bahawa kesalahan telah dilakukan oleh syarikat/firma perunding tersebut dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan di alamat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 7 SPP Bil. 6 Tahun 2010.

6. Kementerian Kewangan akan membuat siasatan terhadap aduan yang diterima dan seterusnya menimbang serta memutuskan tindakan/hukuman tatatertib yang boleh dikenakan kepada syarikat/firma perunding yang berkenaan. Keputusan tindakan/hukuman tataertib yang diambil akan dimaklumkan kepada syarikat/firma perunding dan Agensi yang terlibat secara bertulis.

7. Kementerian Kewangan seterusnya akan memaklumkan kepada semua Agensi berkenaan tindakan/hukuman tatatertib ini melalui Surat Pemberitahuan Mengenai Tindakan Tatatertib ke Atas Syarikat yang akan dimuat naik ke laman web Kementerian Kewangan (www.treasury.gov.my) dan laman web ePerolehan (www.eperolehan.gov.my). Adalah menjadi tanggungjawab Agensi untuk sentiasa merujuk kepada surat pemberitahuan tersebut bagi memastikan tiada penglibatan syarikat/firma perunding yang telah dikenakan tindakan/hukuman tatatertib di dalam perolehan Kerajaan sepanjang tempoh hukuman berkuatkuasa.

8. Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan untuk mematuhi pekeliling tersebut amatlah diharapkan dan SPP tersebut boleh dimuat turun dari laman web Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut
<http://www.treasury.gov.my/pekeliling/spp/spp062010.pdf>

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"



(DATO' IR HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

- s.k. - Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) JPS Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia
- Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia
- Pengarah Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak
- Juruukur Bahan BUBPK

LAMPIRAN A

DEFAULT [STYLE-1](#) [STYLE-2](#) [STYLE-3](#)
[A-](#) [A+](#)
Pilihan Bahasa

ePerolehan
 "PORTAL RASMI PEROLEHAN KERAJAAN MALAYSIA"

MSC
 MALAYSIA

Carian

Laman Utama

- [Peta Laman](#)
- [Berita & Artikel](#)
- [Khidmat Pelanggan](#)
- [Bilik Media](#)
- [Notis Sebut Harga & Tender](#)
- [Notis eBidding](#)
- [Produk & Perkhidmatan eP](#)
- [Galeri Media](#)
- [Maklumbalas/Pertanyaan](#)
- [Hubungi Kami](#)

Khidmat bantuan

Tel : +603-7985 7777/7888
 Faks : +603-7985 7800/7787 1001
 Emel : bantuan@eperolehan.gov.my
bauantptj@eperolehan.gov.my

[Sijil Digital](#)

[NEW Sijil Virtual MOF](#)

[eCAT V2.0](#)

[PERCUMA ! eCAT V2.0](#)

[Daftar emel eP](#)

[Akses emel](#)

[Muat Turun](#)

[Microsoft Internet Explorer 7](#)

Pengumuman

[Pembetulan Iklan Tender PPM/SMPKE/03/2009 » RALATTENDER - PPM/SMPKE/03/2009](#)

[DEFAULT STYLE-1 STYLE-2 STYLE-3](#) [A-](#) [A+](#)

Pilihan Bahasa

Mengenai ePerolehan

- [Secara Am](#)
- [ePerolehan Centre](#)
- [eP@Desa](#)
- [Senarai Bayaran](#)
- [Ciri-ciri](#)
- [Faedah](#)
- [Keperluan Sistem](#)
- [Surat Pekeliling](#)
- [Piagam Pelangganan](#)
- [Pelaksanaan Sijil Virtual Kementerian](#)
- [Kewangan Malaysia](#)

Pembekal/Perunding

- [Log Masuk Medium Akses eP](#)
- [Log Masuk eBidding](#)
- [Pendaftaran Pembekal/Perunding](#)
- [Permohonan Online untuk Sijil Digital](#)
- [Notis Sebut Harga & Tender](#)
- [Pengguna ePerolehan](#)
- [Pembolehan](#)
- [Senarai Pembekal](#)
- [Latihan Pembekal](#)

Kerajaan

- [Log Masuk Sistem ePerolehan](#)
- [Log Masuk BPK](#)
- [Log Masuk eBidding](#)
- [**Log Masuk Maklumat Syarikat**](#)
- [Agenzia Kerajaan](#)
- [Latihan Kerajaan](#)

Muat Turun ePerolehan

- [Utiliti Medium Akses eP](#)

Muat Turun Pembekal/Perunding

- [Borang Penilaian Kursus ePerolehan](#)
- [Terma & Syarat Pendaftaran](#)
- [Panduan Pendaftaran](#)
- [Dokumen Sokongan Pembekal](#)
- [Borang Pesanan Pembaca Kad Pintar](#)
- [Modul Latihan CBT](#)
- [Pengenalan Pek Permulaan eP](#)
- [Manual Pengguna](#)

Selamat Datang Ke ePerolehan

Pembukaan ePerolehan Centre Kuala Terengganu

ePerolehan akan memperluaskan perkhidmatan ke Kuala Terengganu, Terengganu dengan pembukaan ePerolehan Centre. ePerolehan Centre ini akan mula beroperasi sepenuhnya pada 22hb Ogos 2010 (Ahad).

eP Centre Kuala Terengganu
 Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji,
 Jalan Sultan Ismail,
 20200 Kuala Terengganu

Tel: 09-6222022
 Fax: 09-6222055
 Waktu Pejabat: 9:00 pagi - 5:30 petang (Ahad hingga Khamis) (berkuatkuasa lepas bulan Ramadhan)
 Tutup: Jumaat & Sabtu

Untuk sepanjang bulan Ramadhan, ePerolehan Centre akan beroperasi pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari Ahad hingga Khamis.

Sekian terima kasih.

Tarikh dikemaskini Selasa, 17 Ogos 2010 12:04

TENDER X0111400101100001

TENDER X0111400101100001 (JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL)

Untuk makluman pihak pembekal yang terlibat, terdapat perubahan pada Jadual Harga Tender Perkhidmatan Skim Insurans Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Jawatankuasa Rukun Tetangga Dan Peronda Skim Rondaan Sukarela.

Sila muat turun dokumen tender terbaru.

Harap maklum.

UNDI

KEPUTUSAN

<http://home.eperolehan.gov.my/home/index.php/bm>

Lampiran A/1



[English](#) [Bahasa Melayu](#)

NOTIFICATION NEW

THIS IS TO INFORM THAT THE MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA (MOF) HAS FULLY ENFORCED THE IMPLEMENTATION OF VIRTUAL CERTIFICATE FOR REGISTRATION WITH MOF WITH EFFECT FROM 12 JULY 2010 TO REPLACE PHYSICAL CERTIFICATES.

REGISTRATION OF COMPANIES/FIRMS APPROVED BY MOF FROM THE ABOVE DATE MAY OBTAIN THE VIRTUAL CERTIFICATE ONLINE THROUGH THE ePEROLEHAN SYSTEM.

FOR FUTHER INFORMATION PLEASE VISIT OUR WEBSITE www.eperolehan.gov.my AND [FAQ](#).

Please key in your Login ID and Password here.

Important! Login ID and Password that you have created is case sensitive.

Login ID :

Password :

[Login](#)

Forgot your ID or
Password?

For Application To Access
Company Information Guide,
please click [here](#).

[New Application To Access
Company Information](#)



Terms and Conditions

By submitting this company information access application via online you are hereby agreed to be bounded by the terms and conditions set below:

- 1) I am a government servant/government link company Officer.
- 2) I am responsible in managing government / government link company procurement activities.
- 3) I am accountable for any information related to companies/consulting firms that I access through eP System.
- 4) I agreed if there is no transaction within three (3) month, accessibility to the eP System will be terminated automatically.
- 5) I will inform immediately to the Unit concerned (by my respective office zone) if I am no longer involved with any government procurement activities or being transferred to a different department/agencies, via e-mail as follows:-
 - Peninsular Zone: Unit Pendaftaran Syarikat, Government Procurement Division, Ministry of Finance at ups@treasury.gov.my;
 - Unit Pendaftaran Kontraktor, Perbendaharaan Malaysia Sabah at upsbh@treasury.gov.my; or
 - Unit Pendaftaran Kontraktor, Perbendaharaan Malaysia Sarawak at upswk@treasury.gov.my
- 6) I am responsible to all information that is permissible. This information is CONFIDENTIAL and RESTRICTED. Using information or document without authorization, leakage of information or duplicating of any document is not allowed and is an offence under the Official Secret Act 1972.

Please click I Agree /I Disagree button to abide the terms above to proceed with online application.

I Agree

with the terms and conditions above.

I Disagree

Copyright © Commerce Dot Com Sdn. Bhd., 2007. All Rights Reserved



Application for Company Information Access

Indicates mandatory fields.

Login Credential

Login ID	<input type="text"/>	e.g.: abc123
Password	<input type="password"/>	e.g.: p3k4ka
Reconfirm Password	<input type="password"/>	
Security Question	<input type="text"/>	
Answer	<input type="text"/>	

Officer Details

Title	<input type="text"/>
Full Name	<input type="text"/>
Identification Type	<input type="radio"/> New I/C No. <input checked="" type="radio"/> Police/Army No.
Identification No.	<input type="text"/> <small>E.g.: New IC No: 770907025320, Police/ Army No: G/10872 /374277</small>
Designation/Grade	<input type="text"/>
Organisation Type	<input type="text"/>
Ministry	<input type="text"/>
Department	<input type="text"/>
PTJ	<input type="text"/>
Agency Name	<input type="text"/>
Office Address	<input type="text"/>
Postcode	<input type="text"/>
Town	<input type="text"/>
State	<input type="text"/>

District	Please Select <input type="button" value=""/>		
Office Phone No.	+6	-	e.g.: +6 03 79857700
Office Fa No.	+6	-	e.g.: +6 03 79857800

Note: Please use department official email address ONLY.

Email e.g.:

Supporting Document

The supporting document listed is required. It can be submitted online ONLY. Submission through mailing will not be entertained. System can only accept Microsoft Word (.doc) or Adobe Acrobat (.pdf) format ONLY and the size must not exceed 2MB.

No.	Document Description	Attachment	Attached Document
1	Authorisation letter which has been endorsed by Head of Department.	<input type="button" value=""/> Attach	

I hereby declare that the information provided is true, correct and complete. I am responsible with the online information received. Information is CONFIDENTIAL and for official use ONLY

Copyright © Commerce Dot Com Sdn. Bhd., 2007. All Rights Reserved

LAMPIRAN 1 KEPADA SPP BIL. 6 TAHUN 2010

**SENARAI JENIS KESALAHAN DAN TINDAKAN/HUKUMAN TATATERIB
KE ATAS SYARIKAT BEKALAN/PERKHIDMATAN**

JENIS KESALAHAN
I - KESALAHAN KERANA MELANGGAR SYARAT PENDAFTARAN (Muka surat ii – iii) <ul style="list-style-type: none">1. Maklumat palsu untuk pendaftaran2. Memalsukan atau meminda Sijil Akuan Pendaftaran3. Pemalsuan berkenaan pegangan ekuiti Bumiputera4. Syarikat tidak dapat dikesan semasa lawatan5. Memperdaya untuk taraf Bumiputera6. Membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran digunakan oleh individu/syarikat lain7. Gagal mematuhi syarat pendaftaran8. Gagal mengemas kini maklumat syarikat9. Tidak bekerjasama dalam urusan pendaftaran
II - KESALAHAN KERANA MELANGGAR SYARAT TENDER/KONTRAK (Muka surat iv – v) <ul style="list-style-type: none">1. Pemalsuan atau pindaan maklumat/dokumen2. Menarik diri3. Menolak tawaran4. Pakatan harga5. Sub-kontrak secara tidak sah6. Gagal mengekalkan taraf Bumiputera sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa7. Gagal mematuhi obligasi kontrak (<i>Non-Performance</i>)8. Tidak membuat pembaharuan pendaftaran syarikat
III - KESALAHAN JENAYAH DAN TANGGUNGAN SIVIL (Muka surat vi) <ul style="list-style-type: none">1. Kesalahan jenayah2. Tanggungan sivil<ul style="list-style-type: none">i) Penghutang Penghakiman (<i>Judgement Debtor</i>)ii) Bankrapiii) <i>Receivership/ Liquidator</i>

I – KESALAHAN KERANA MELANGGAR SYARAT PENDAFTARAN

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
1	Maklumat palsu untuk pendaftaran	<p>a) Pendaftaran syarikat dibatalkan, apa-apa permohonan pendaftaran semula hanya akan dipertimbangkan selepas dua (2) tahun daripada tarikh pembatalan.</p> <p>b) Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenarai hitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitamkan.</p>
2	Memalsukan atau meminda Sijil Akuan Pendaftaran	<p>a) Pendaftaran Syarikat dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenarai hitam bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitamkan.</p>
3	Pemalsuan berkenaan pegangan ekuiti Bumiputera	<p>a) Taraf Bumiputera ditarik balik dan pendaftaran dibatalkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p>
4	Syarikat tidak dapat dikesan semasa lawatan	<p>a) Pendaftaran syarikat dibatalkan.</p> <p>b) Syarikat dikehendaki membuat permohonan baru dan tertakluk kepada bayaran pendaftaran baru jika masih berminat untuk berurus niaga dengan Kerajaan.</p>

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
5	Memperdaya untuk taraf Bumiputera	<p>a) Taraf Bumiputera ditarik balik dan pendaftaran dibatalkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p>
6	Mbenarkan Sijil Akuan Pendaftaran digunakan oleh individu/syarikat lain	<p>a) Pendaftaran Syarikat dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitam bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon setelah tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p>
7	Gagal mematuhi syarat pendaftaran	Kod bidang berkenaan dibatalkan.
8	Gagal mengemaskini maklumat syarikat	<p>Amaran Syarikat akan diberi surat amaran secara pos berdaftar dan perlu menjawab dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat diterima tertakluk kepada 21 hari dari tarikh surat.</p> <p>Tindakan Pembatalan Sekiranya gagal mengemaskini dan menjawab dalam tempoh tersebut, Kementerian Kewangan berhak untuk mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan surat memberikan tempoh tujuh (7) hari selepas amaran pertama secara pos berdaftar. Selepas ini syarikat akan dikenakan tindakan tanpa diberi apa-apa notis seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Membatalkan kod bidang; b) Menggantung pendaftaran bagi tempoh maksima sehingga dua (2) tahun; atau c) Membatalkan pendaftaran bagi tempoh maksima sehingga lima (5) tahun.
9	Tidak bekerjasama dalam urusan pendaftaran	<p>Kesalahan Pertama Amaran.</p> <p>Kesalahan seterusnya Pendaftaran syarikat digantung selama enam (6) bulan.</p>

II - KESALAHAN KERANA MELANGGAR SYARAT TENDER/KONTRAK

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
1	Pemalsuan atau pindaan maklumat/dokumen	<p>a) Pendaftaran Syarikat dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenarai hitam bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitamkan.</p>
2	Menarik diri	<p>Kesalahan Pertama Gantung Pendaftaran sehingga satu (1) tahun.</p> <p>Kesalahan Kedua Gantung Pendaftaran sehingga dua (2) tahun.</p> <p>Kesalahan Ketiga Batal Pendaftaran dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitam bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon setelah tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p>
3	Menolak tawaran	<p>Kesalahan Pertama Gantung Pendaftaran maksimum sehingga dua (2) tahun.</p> <p>Kesalahan Kedua Gantung Pendaftaran maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>Kesalahan Ketiga Batal Pendaftaran dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitam bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon setelah tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p>
4	Pakatan harga	<p>Kesalahan Pertama Gantung Pendaftaran maksimum sehingga dua (2) tahun.</p> <p>Kesalahan Kedua Batal pendaftaran dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitam bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon setelah tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p>

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
5	Sub-kontrak secara tidak sah	<p>Kesalahan Pertama Gantung pendaftaran maksimum sehingga dua (2) tahun.</p> <p>Kesalahan Kedua Batal pendaftaran dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitam bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon setelah tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitamkan.</p>
6	Gagal mengekalkan taraf Bumiputera sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa	<p>Taraf Bumiputera ditarik balik dan pendaftaran dibatalkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p>
7	<p>Gagal mematuhi obligasi kontrak (<i>Non-Performance</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Lewat bekal ii) Gagal bekal iii) Kurang mutu iv) Tidak menepati spesifikasi 	<p>Kelewatan Pertama Amaran</p> <p>Kelewatan Kedua Pembatalan kod bidang yang berkaitan bagi tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun. Permohonan pendaftaran bidang hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p> <p>Kelewatan Ketiga Pembatalan pendaftaran bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. Permohonan pendaftaran baru hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran.</p>
8	Tidak membuat pembaharuan pendaftaran syarikat	Kontrak ditamatkan dengan syarat dalam kontrak telah dinyatakan syarikat hendaklah sentiasa berdaftar dengan Kementerian Kewangan sepanjang tempoh kontrak.

III - KESALAHAN JENAYAH DAN TANGGUNGAN SIVIL

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
1	Kesalahan Jenayah	<p>Dibatalkan pendaftaran setelah disabit kesalahan oleh mahkamah jika syarikat disabitkan dan jika individu/ahli Lembaga Pengarah/Pemilik Modal masih dalam syarikat.</p> <p>Permohonan pendaftaran baru hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh hukuman yang disabitkan oleh Mahkamah.</p>
2	<p>Tanggungan Sivil</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Penghutang Penghakiman (<i>Judgement Debtor</i>) ii) Bankrap iii) <i>Receivership/Liquidator</i> 	<p>Kesalahan Pertama Digantung pendaftaran sehingga tuntutan/tanggungan diselesaikan.</p> <p>Kesalahan Kedua Batal pendaftaran. Permohonan pendaftaran baru hanya boleh dibuat/dipohon dua (2) tahun selepas perintah hukuman tamat/selesai.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Batal Pendaftaran. b) Permohonan pendaftaran baru hanya boleh dibuat/dipohon selepas mahkamah membebaskan (<i>discharge</i>) daripada kebangkrapan. a) Pendaftaran syarikat dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik hanya boleh dibuat/dipohon selepas Perintah Penerima (<i>Receiver</i>) atau Pelikuidasi (<i>Liquidator</i>) tamat/selesai.

LAMPIRAN 2 KEPADA SPP BIL. 6 TAHUN 2010

**SENARAI JENIS KESALAHAN DAN TINDAKAN/HUKUMAN TATATERTIB
KE ATAS FIRMA PERUNDING**

JENIS KESALAHAN
I - KESALAHAN KERANA MELANGGAR SYARAT PENDAFTARAN (Muka surat ii – iii) <ul style="list-style-type: none">1. Maklumat palsu untuk pendaftaran2. Memberikan Sijil Akuan Pendaftaran digunakan oleh individu/firma lain3. Memalsukan atau meminda Sijil Akuan Pendaftaran4. Firma perunding tidak dapat dikesan semasa lawatan5. Pemalsuan berkenaan pegangan ekuiti Bumiputera6. Gagal mematuhi syarat pendaftaran7. Gagal mengemas kini maklumat perunding8. Gagal mengemas kini pegangan ekuiti Bumiputera9. Tidak bekerjasama dalam urusan pendaftaran
II - KESALAHAN KERANA MELANGGAR SYARAT PELANTIKAN/KONTRAK (Muka surat iv – viii) <ul style="list-style-type: none">1. Menarik diri2. Pakatan harga3. Membatalkan perjanjian4. Tidak membuat pembaharuan pendaftaran di Kementerian Kewangan5. Tidak membuat pembaharuan pendaftaran dengan Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawal selia yang diiktiraf6. <i>Assignment</i> tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Agensi yang terlibat7. Gagal mematuhi obligasi kontrak (<i>Non-Performance</i>)8. Kakitangan
III - KESALAHAN JENAYAH DAN TANGGUNGAN SIVIL (Muka surat ix) <ul style="list-style-type: none">1. Kesalahan jenayah2. Tanggungan sivil<ul style="list-style-type: none">i) Penghutang Penghakiman (<i>Judgement Debtor</i>)ii) Bankrapiii) <i>Receivership/Liquidator</i>

I – KESALAHAN KERANA MELANGGAR SYARAT PENDAFTARAN

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
1	Maklumat palsu untuk pendaftaran	<p>a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan. Apa-apa permohonan pendaftaran semula hanya akan dipertimbangkan selepas dua (2) tahun daripada tarikh pembatalan.</p> <p>b) Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum lima (5) tahun. Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam.</p>
2	Mbenarkan Sijil Akuan Pendaftaran digunakan oleh individu/firma lain	<p>a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam.</p>
3	Memalsukan atau meminda Sijil Akuan Pendaftaran	<p>a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam.</p>
4	Firma perunding tidak dapat dikesan semasa lawatan	<p>a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan.</p> <p>b) Firma perunding hanya boleh membuat permohonan baru tertakluk kepada bayaran pendaftaran baru jika masih berminat untuk berurus niaga dengan Kerajaan.</p>
5	Pemalsuan berkenaan pegangan ekuiti Bumiputera	<p>a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan, apa-apa permohonan pendaftaran semula hanya akan dipertimbangkan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh pembatalan.</p> <p>b) Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum tiga (3) tahun. Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam.</p>

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
6	<p>Gagal mematuhi syarat pendaftaran</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Firma perunding yang berdaftar tetapi gagal memenuhi syarat/kriteria pendaftaran kod bidang yang ditetapkan sepanjang tempoh sah pendaftaran. ii) Firma perunding/individu gagal berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawalan yang diiktiraf. 	<p>Kod bidang berkenaan dibatalkan.</p> <p>a) Pendaftaran firma perunding/individu digantung dan tidak dipertimbangkan untuk dilantik sebagai perunding sehingga pendaftaran dengan Lembaga Profesional yang berkaitan diperbaharui.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas pendaftaran dengan Lembaga Profesional yang berkaitan diperbaharui.</p>
7	Gagal mengemaskini maklumat perunding	<p>Amaran</p> <p>Firma perunding akan diberi surat amaran secara pos berdaftar dan perlu menjawab dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat diterima tertakluk kepada dua puluh satu (21) hari dari tarikh surat.</p> <p>Tindakan Pembatalan</p> <p>Sekiranya gagal mengemaskini dan menjawab dalam tempoh tersebut, Kementerian Kewangan berhak untuk mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan surat memberikan tempoh tujuh (7) hari selepas amaran pertama secara pos berdaftar. Selepas ini firma perunding akan dikenakan tindakan tanpa diberi sebarang notis seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Membatalkan kod bidang; b) Menggantung pendaftaran bagi tempoh maksima sehingga dua (2) tahun; atau c) Membatalkan pendaftaran bagi tempoh maksima sehingga lima (5) tahun.
8	Gagal mengemaskini pegangan ekuiti Bumiputera	Amaran.
9	Tidak bekerjasama dalam urusan pendaftaran	<p>Kesalahan Pertama</p> <p>Amaran.</p> <p>Kesalahan seterusnya</p> <p>Pendaftaran firma perunding digantung selama enam (6) bulan.</p>

II - KESALAHAN KERANA MELANGGAR SYARAT PELANTIKAN/KONTRAK

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
1	Menarik diri	<ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun bagi projek pembangunan fizikal dan tiga (3) tahun bagi bidang lain. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam. c) Bagi projek pembangunan fizikal, dilaporkan kepada Lembaga Profesional.
2	Pakatan harga	<p>Kesalahan Pertama Pendaftaran firma perunding digantung maksimum sehingga dua (2) tahun.</p> <p>Kesalahan Kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam. c) Bagi projek pembangunan fizikal, dilaporkan kepada Lembaga Profesional.
3	Membatalkan perjanjian	<ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam. c) Bagi projek pembangunan fizikal, dilaporkan kepada Lembaga Profesional.

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
4	Tidak membuat pembaharuan pendaftaran di Kementerian Kewangan	<p>a) Kontrak ditamatkan dengan syarat dalam kontrak telah dinyatakan firma perunding hendaklah sentiasa berdaftar dengan Kementerian Kewangan sepanjang tempoh kontrak.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam.</p>
5	Tidak membuat pembaharuan pendaftaran dengan Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawal selia yang diiktiraf	<p>a) Kontrak ditamatkan dengan syarat dalam kontrak telah dinyatakan firma perunding hendaklah sentiasa berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkaitan atau badan kawal selia yang diiktiraf sepanjang tempoh kontrak.</p> <p>b) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>c) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam.</p>
6	<i>Assignment</i> tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Agensi yang terlibat	<p>Kesalahan Pertama Pendaftaran firma perunding digantung maksimum sehingga dua (2) tahun.</p> <p>Kesalahan Kedua</p> <p>a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun.</p> <p>b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohn selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam.</p> <p>c) Bagi projek pembangunan fizikal, dilaporkan kepada Lembaga Profesional.</p>

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
7	<p>Gagal mematuhi obligasi kontrak (<i>Non-performance</i>)</p> <p>i) Kelewatan yang tidak menjelaskan prestasi Agensi atau Program Pembangunan Kerajaan tetapi masih belum disiapkan selepas 3 bulan tempoh siap.</p>	<p>Kelewatan Pertama Amaran.</p> <p>Kelewatan Kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun bagi firma menjalankan projek pembangunan fizikal dan maksimum sehingga dua (2) tahun bagi bidang yang lain. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam. c) Bagi projek pembangunan fizikal, dilaporkan kepada Lembaga Profesional.
	<p>ii) Kelewatan menjelaskan prestasi Agensi atau Program Pembangunan Kerajaan.</p>	<p>Kelewatan Pertama Amaran.</p> <p>Kelewatan Kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun bagi firma menjalankan projek pembangunan fizikal dan maksimum sehingga tiga (3) tahun bagi bidang yang lain. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam. c) Bagi projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal, dilaporkan kepada Lembaga Profesional.

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
	iii) Output tidak menepati terma rujukan atau tidak menepati spesifikasi	<p>Kesalahan Pertama Amaran.</p> <p>Kesalahan Kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun bagi firma menjalankan projek pembangunan fizikal dan maksimum sehingga dua (2) tahun bagi bidang yang lain. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam. c) Bagi projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal, dilaporkan kepada Lembaga Profesional.
8	Kakitangan <ul style="list-style-type: none"> i) Firma menghantar kakitangan yang kurang berpengalaman untuk berurusan dengan Agensi Kerajaan <i>(bagi kontrak yang menggunakan kaedah bayaran Skala Yuran Piawai/Kadar Upah Ukur)</i> 	Amaran keras.
	ii) Firma menggantikan perkhidmatan kakitangan yang diluluskan dengan kakitangan lain tanpa kelulusan Agensi <i>(bagi kontrak yang menggunakan kaedah bayaran Input Masa)</i>	<p>Kesalahan Pertama Amaran.</p> <p>Kesalahan Kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Selepas projek/kajian siap, pendaftaran firma perunding digantung dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga dua (2) tahun. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh penggantungan.

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
	<p>iii) Firma menggunakan perkhidmatan perunding asing tanpa kelulusan Agensi dan Perbendaharaan terlebih dahulu</p>	<p>Kesalahan Pertama Amaran.</p> <p>Kesalahan Kedua</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik Modal disenaraihitamkan bagi tempoh maksimum sehingga lima (5) tahun. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh pembatalan pendaftaran/disenaraihitam.

III - KESALAHAN JENAYAH DAN TANGGUNGAN SIVIL

BIL.	JENIS KESALAHAN	HUKUMAN
1	Kesalahan Jenayah	Dibatalkan pendaftaran setelah disabit kesalahan oleh mahkamah jika firma perunding disabitkan dan jika Ahli Lembaga Pengarah/Pemilik Modal masih dalam firma.
2	Tanggungan Sivil i) Penghutang Penghakiman (<i>Judgement Debtor</i>) ii) Bankrap iii) <i>Receivership/Liquidator</i>	Kesalahan Pertama Digantung pendaftaran sehingga tanggungan diselesaikan. Kesalahan Kedua <ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan. b) Permohonan pendaftaran baru oleh Lembaga Pengarah/Pemilik Modal hanya boleh dibuat/dipohon selepas tamat tempoh penggantungan. <ul style="list-style-type: none"> a) Batal Pendaftaran b) Permohonan pendaftaran baru hanya boleh dibuat/dipohn selepas mahkamah membebaskan (<i>discharge</i>) firma perunding/pemilik/pengurusan daripada kebankrapan dan/atau pemilik/pengurusan bagi firma tersebut bebas daripada pengisytiharan bankrap oleh mahkamah. <ul style="list-style-type: none"> a) Pendaftaran firma perunding dibatalkan dan Lembaga Pengarah/Pemilik disenaraihitamkan. b) Permohonan pendaftaran baru hanya boleh dibuat/dipohn selepas perintah Penerima (<i>Receiveship</i>) atau Pelikuidasi (<i>Liquidator</i>) tamat/selesai.

LAMPIRAN 3 KEPADA SPP BIL. 6 TAHUN 2010

**BORANG ADUAN KE ATAS SYARIKAT/FIRMA PERUNDING YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

NO. DAFTAR KES :

(Untuk kegunaan pejabat)

A. BUTIRAN PENGADU

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Nama Agensi * :
4. Nama Bahagian/Seksyen/Unit * :
5. Alamat :
6. Pekerjaan/Jawatan :
7. No. Telefon : (R) (P) (HP)
8. E-mel :
9. Lokasi pengadu : Semenanjung Sabah Sarawak

Jantina: L P

B. BUTIRAN SYARIKAT/FIRMA PERUNDING YANG DIADU:

1. Nama Syarikat/Firma Perunding :
2. No. Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia * :
3. No. Pendaftaran SSM/Pendaftar Pertubuhan/Koperasi :

C. BUTIRAN ADUAN

Sila huraikan aduan di dalam ruang di bawah. Nyatakan juga tindakan yang telah diambil (lampirkan surat amaran, surat tunjuk sebab dan sebagainya) sekiranya ada.

(Sila kepilkan lampiran jika ruang huraian aduan tidak mencukupi)

Saya mengaku bahawa segala maklumat diri dan aduan yang dikemukakan oleh saya adalah benar dan saya bertanggungjawab ke atasnya.

Tandatangan:

(Nama: _____)

Tarikh:

NOTA: i) **Semua butiran adalah wajib diisi.** Butiran yang bertanda * adalah **wajib** diisi hanya bagi aduan daripada **Agensi Kerajaan.**

- ii) Tandakan ✓ dalam kotak yang berkenaan.
- iii) Aduan hendaklah dihantar ke Kementerian Kewangan seperti alamat di muka surat dua (2).

Aduan hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pihak Yang Diadu	Alamat Kementerian Kewangan
i) Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di Semenanjung Malaysia ii) Firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan	Ketua Setiausaha Perbendaharaan Bahagian Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan Aras Bawah, Blok Utara Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62592 PUTRAJAYA (u.p.: Unit Pendaftaran Syarikat) Tel. No : 03 - 88823000/3166 Faks No. : 03 - 88824337/4206
i) Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di Sabah	Pegawai Kewangan Persekutuan Perbendaharaan Malaysia Sabah Tingkat 2, Rumah Persekutuan Jalan Mat Salleh 88592 Kota Kinabalu, SABAH (u.p.: Unit Pendaftaran Kontraktor) Tel. No : 088 - 243993 Faks No. : 088 - 240020
i) Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di Sarawak	Pegawai Kewangan Persekutuan Perbendaharaan Malaysia Sarawak Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang 3 93592 Kuching, SARAWAK (u.p.: Unit Pendaftaran Kontraktor) Tel. No : 082 - 421333 Faks No. : 082 - 424489